

## **TAHAP KERESAHAN TERHADAP MATA PELAJARAN BAHASA ASING DALAM KALANGAN PELAJAR KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA**

**Noor Adawiyah Ahmad Radzi**

Pusat Asasi dan Pengajian Umum, Kolej Universiti Islam Melaka

**Roslida Saat**

Pusat Asasi dan Pengajian Umum, Kolej Universiti Islam Melaka

**Norainee Idris**

Pusat Asasi dan Pengajian Umum, Kolej Universiti Islam Melaka

*Corresponding Author's Email: adawiyah@kuim.edu.my*

### **Article history:**

*Received : 23 August 2021*

*Accepted : 18 November 2021*

*Published : 28 December 2021*

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap keresahan dan kebimbangan mempelajari bahasa Arab dalam kalangan pelajar Kolej Universiti Islam Melaka. Objektif kajian ini ialah mengenalpasti tahap keresahan dan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap keresahan seseorang pelajar. Faktor yang dikaji ialah tahap keresahan berkomunikasi dan keresahan terhadap penilaian negatif. Maklumat kajian diperolehi melalui soal-selidik Foreign Language Classroom Anxiety Scale yang telah diadaptasi daripada Horwitz (1986) yang mengandungi 33 item untuk memenuhi matlamat dan objektif kajian. Instrumen kajian ini menggunakan skala lima berdasarkan kepada skala terendah "Sangat Setuju" kepada skala tertinggi "Sangat Tidak Setuju". Data dianalisis secara deskriptif melibatkan penggunaan peratusan, statistik deskriptif yang melibatkan perhitungan min. Dapatan kajian menunjukkan beberapa item penting berada pada tahap tinggi dan seterusnya membantu pensyarah dalam menambahbaik aktiviti pengajaran.

**Kata Kunci:** Tahap Keresahan, Kebimbangan Komunikasi, Penilaian Negatif, Bahasa Asing

## ***THE LEVEL OF ANXIETY AND ANXIETY IN LEARNING ARABIC AMONG STUDENTS OF THE ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MALACCA***

### **ABSTRACT**

*This study aims to identify the level of anxiety and anxiety in learning Arabic among students of the Islamic University College of Malacca. The objective of this study is to identify the level of anxiety and the factors that influence the level of anxiety of a student. The factors studied in this factor are communication anxiety and anxiety towards negative evaluations. The study information was obtained through the Foreign Language Classroom Anxiety Scale questionnaire which was adapted from Horwitz (1986) which contained 33 items to meet the goals and objectives of the study. The instrument of this study uses a scale of five based on the lowest scale "Strongly Agree" to the highest scale "Strongly Disagree". Data were analyzed descriptively involving the use of percentages, descriptive statistics involving the calculation of mean and frequency. The findings of the study show that some important things are at a high level and in turn help the lecturer in improving the teaching activities take place.*

**Keywords:** *Level Of Anxiety, Communication Anxiety, Negative Assessment, Foreign Language*

### **PENGENALAN**

Mempelajari bahasa asing semakin menjadi pilhan ramai sejak akhir-akhir ini. Pelbagai lapisan masyarakat tidak ketinggalan untuk mempelajari bahasa asing. Hal ini dapat di lihat apabila trend penawaran bahasa asing ini tidak terhad kepada masyarakat tempatan sahaja malah meluas di peringkat antarabangsa. Sama ada bahasa Arab, bahasa English, setiap bahasa itu mempunyai kelebihan dan keutamaan yang tersendiri dalam skop yang berbeza.

Lantaran itu, dari peringkat sekolah rendah sehinggalah peringkat tertinggi iaitu menawarkan subjek ini. Di institusi pengajian tinggi tempatan menawarkan subjek ini bagi melengkapi program yang diambil. Pembelajaran bahasa asing bukan sahaja menekankan aspek pembacaan, penulisan, pendengaran sahaja malah aspek percakapan juga ditekankan di sekolah. Pembelajaran bahasa asing merupakan satu bonus terhadap orang yang mempelajarinya. Sudah pasti ramai yang teruja apabila pelajar mempraktikkan bahasa asing ini kerana bahasa ini berbeza dengan bahasa ibunda iaitu bahasa Malaysia.

Namun begitu, pembelajaran bahasa asing ini juga berkait rapat dengan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sesuai. Sudah pasti semasa proses pengajaran dan pembelajaran akan rasa sedikit tertekan kerana jika perasaan kebimbangan atau keresahan wujud dalam diri seseorang itu. Keadaan ini terjadi apabila terdapat pelajar yang merasakan mempelajari bahasa asing ini sukar dan mencabar kerana berbeza sama sekali dengan bahasa yang digunakan seharian.

Perasaan keresahan dan kebimbangan yang dialami pelajar ketika mempelajari sesuatu yang baharu dianggap normal. Malah, kadang-kadang mendatangkan kelebihan kepada pelajar membuat persediaan sebelum hadir ke kelas bahasa asing. Walau bagaimanapun, tahap keresahan dan kebimbangan yang serius boleh menjejaskan fokus pembelajaran setiap hari dan yang lebih membimbangkan lagi apabila mempengaruhi prestasi dan keputusan akademik mereka.

Oleh itu kajian ini dijalankan bagi mendapat maklum balas yang jujur daripada pelajar bagi menambahbaik kaedah pembelajaran bahasa asing di institusi pengajian tinggi iaitu Kolej Universiti Islam Melaka yang kini dikenali dengan Unimel.

## **LATAR BELAKANG**

Dalam mempelajari Bahasa asing, kesukaran bertutur dalam bahasa asing merupakan salah satu masalah yang perlu ditekankan (Horwitz et.al 1986). Menurut beliau, kebimbangan untuk berkomunikasi juga adalah sebahagian daripada sikap pemalu yang ada pada diri sendiri seseorang pelajar. Tambahnya lagi kebimbangan yang melibatkan komunikasi semasa proses pembelajaran adalah berkait dengan personality pelajar itu sendiri sama ada mereka berada dalam kelompok extravert ataupun introvert.

Reaksi kebimbangan yang melampau akan memberi kesan negatif terhadap pencapaian dalam pembelajaran. Rata-rata pelajar seringkali memberi reaksi kebimbangan terhadap subjek bahasa Arab yang dipelajari. Faktor tekanan, gementar, bimbang dan cemas berkait rapat dengan reaksi pelajar. Kesemua faktor tersebut bertindak serentak dalam faktor keresahan dan kesemua faktor tersebut dalam peningkatan sistem keresahan autonomi (Spielberger, 1983). Bukan sahaja tahap keresahan yang akan memberi kesan kepada prestasi pelajar, malah tahap keresahan ini mampu menghalang seseorang memperoleh pencapaian yang membanggakan.

Pengkaji memerhatikan bahawa terdapat sesetengah pelajar antarabangsa yang lebih aktif di dalam kelas berbanding pelajar tempatan. Pelajar antarabangsa suka bertanya dan cepat memberi tindak balas semasa sesi soal jawab berlangsung. Mereka lebih berani dan lebih berkeyakinan untuk bertutur walaupun belum tentu apa yang dipertuturkan itu betul dari segi sebutan dan ejaan. Malahan, ada juga pelajar yang berani tampil dihadapan untuk bertutur namun penggunaan nada suara pula agak perlahan dan tidak jelas.

Oleh itu, pengkaji merasakan tahap kebimbangan terhadap pembelajaran Bahasa asing perlu diberi perhatian. Pelajar yang berpersonaliti extravert memiliki keyakinan yang lebih baik berbanding dengan pelajar introvert yang lebih bersifat pasif, pendiam dan pemalu dan keadaan ini mempengaruhi tahap kebimbangan mempelajari bahasa asing semasa di dalam kelas.

## **PERMASALAHAN KAJIAN**

Kolej Universiti Islam Melaka mewajibkan semua pelajar-pelajarnya mengikuti kelas bahasa Arab sebagai syarat graduasi. Bahasa Arab yang mencapai standart bahasa asing bagi pelajar-pelajar KUIM merupakan subjek wajib kolej. Pelajar perlu mencapai tahap sekurang-kurangnya lulus bagi marapelajaran ini. Semua pelajar yang mengikuti program diploma perlu mengikuti kelas bahasa Arab 1 (ARB1012) dan kelas bahasa Arab 2 (ARB1022). Antara aktiviti yang dijalankan semasa kelas berlangsung ialah pelajar melakukan perbualan dalam bahasa Arab. Aktiviti ini bertujuan bagi membantu pelajar menggunakan asas-asas perbualan dalam bahasa Arab.

Selain itu juga, pensyarah juga mewajibkan pelajar bertutur dalam bahasa Arab pada hari-hari tertentu dalam seminggu. Pihak fakulti juga mengadakan program bahasa Arab seperti *Arabic Night* supaya pelajar dapat merasai suasana Arab. Walau bagaimanapun, hal ini juga dilihat tidak menarik minat pelajar untuk bertutur dalam bahasa Arab. Semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan, dibimbangi pelajar akan mengalami keresahan semasa belajar di dalam kelas kerana pelajar pasti akan merasa kurang selesa apabila pensyarah meminta mereka bertutur dalam bahasa Arab.

Kajian Nurul Shahida (2017) mendapati kebimbangan dapat menyumbang kepada gangguan pembelajaran apabila pelajar itu sendiri tidak mampu menguasai bahasa asing. Keadaan ini sekaligus akan mengganggu emosi dan semangat mereka untuk mengikuti kelas matapelajaran bahasa Arab. Menurut Eysenck et. al (1992), emosi resah dan gelisah akan membawa kepada kebimbangan yang seterusnya akan memberi kesan kepada bahagian kognitif pelajar dalam proses pembelajaran bahasa. Tahap kerisauan dan kebimbangan yang melampau akan mempengaruhi prestasi dan keputusan akademik pelajar (Wan Zarina, 2007). Pernyataan-pernyataan di atas menunjukkan bahawa faktor-faktor keresahan perlu dikaji bagi mengurangkan tahap keresahan tersebut dan meningkatkan kemampuan pelajar dalam pertuturan bahasa Arab

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini berasaskan kepada dua objektif kajian.

1. Mengenalpasti tahap kebimbangan komunikasi dalam kalangan pelajar KUIM
2. Mengenalpasti tahap perasaan takut terhadap penilaian negatif dalam kalangan pelajar KUIM

## **SOROTAN LITERATUR**

Kajian lepas mengenai kegelisahan pelajar dalam mempelajari bahasa yang merangkumi aspek tahap kebimbangan komunikasi dan perasaan takut terhadap penilaian negatif. Kebimbangan komunikasi adalah tahap kegelisahan atau ketakutan pelajar yang berkaitan dengan komunikasi bersama orang lain (McCroskey, 1978). Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, ramai penyelidik

lebih berminat untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi pelajar yang mengikuti bahasa asing. Young (1991) menyatakan bahawa pelajar dalam kursus lisan menyatakan tahap kegelisahan yang tinggi jika berbanding dengan kursus lain.

Kajian Md. Nazim Mahmud et. al (2016) telah menjalankan kajian kegelisahan pelajar dalam mempelajari bahasa Inggeris dengan menumpukan empat kemahiran bahasa dalam situasi bilik darjah ke atas 90 orang pelajar dan 30 orang guru dari sepuluh sekolah terpilih di Bandar Dhaka, India. Kajian mendapati bahawa pelajar mengalami kegelisahan kerana kurangnya motivasi, interaksi guru dan pelajar serta pengaruh persekitaran. Selain itu juga, pelajar mengalami kegelisahan bercakap dan kegelisahan menulis di samping kecemasan mendengar dan membaca. Dapatan ini diperolehi menerusi soal selidik dan temu ramah.

Kajian Nur Pratiwi et. al (2014) menjalankan kajian ke atas pelajar Pengajian Islam yang mempelajari bahasa Arab sebagai subjek wajib. Dapatan mendapati pelajar-pelajar resah bimbang untuk berkomunikasi disebabkan oleh faktor tidak berani, perasaan malu, tidak yakin dan tidak minat. Dapatan diperolehi melalui kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah temubual dan pemerhatian.

Kajian Shazia et. al (2021) mengkaji sebab kegelisahan yang berlaku dalam kalangan pelajar bahasa Inggeris dari 100 buah sekolah. Melalui tinjauan daripada 24 item, kajian mendapati hubungan yang signifikan antara kegelisahan belajar bahasa belajar, persekitaran kelas. Pengkaji seterusnya mencadangkan agar guru bahasa kedua menyediakan persekitaran yang kondusif kepada pelajar semasa proses pembelajaran dijalankan.

Perasaan takut terhadap penilaian negatif sepertimana ditakrifkan oleh Horwitz et.al (1986) iaitu rasa takut terhadap penilaian orang lain. Menurut Gardner dan MacIntyre (1983) pula berpendapat kebimbangan penilaian negatif berkait rapat dengan ketakutan komunikasi. Apabila pelajar tidak pasti dengan apa yang mereka perkatakan, mereka akan merasa dinilai negatif oleh orang sekeliling sekaligus mereka akan meragui akan kebolehan masing-masing.

Kajian Gawi et. al (2020) ke atas pelajar lelaki Kolej Sains dan Kesenian, Universiti Al-Baha, Arab Saudi bertujuan untuk mengkaji kesan kegelisahan kelas bahasa asing terhadap prestasi pelajar. Peserta adalah terdiri dari kalangan pelajar yang mengikuti kursus linguistik terapan tahap 2. Kajian ini menilai tahap ketakutan terhadap penilaian negatif. Hasil kajian menerusi deskriptif dan inferensi ini mendapati peserta mengalami tahap penilaian negatif yang lebih rendah berbanding tahap kebimbangan komunikasi.

Dari aspek pencapaian bahasa asing dan tahap kegelisahan pula dikaji oleh Al-Khotoba et.al (2019) ke atas 100 orang pelajar yang mengikuti kelas bahasa Inggeris di Northern Border University, Arab Saudi. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat kegelisahan berbahasa dengan pencapaian bertutur dalam bahasa asing. Dapatan ini diperolehi menerusi edaran borang soal selidik. Dengan kata lain, dapatan menunjukkan dengan peningkatan kegelisahan 1% akan menyebabkan penurunan pelajar English as Foreign Language sebanyak 88.8% dalam percakapan.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan suatu kajian berbentuk tinjauan bagi mengenalpasti Tahap Keresahan Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Asing Dalam Kalangan Pelajar Kolej Universiti Islam Melaka Pendekatan melalui borang instrumen kajian ini digunakan bagi mendapatkan maklumat daripada pelajar. Populasi kajian adalah terdiri daripada pelajar yang mengikuti program diploma di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM). Rasional pemilihan mereka adalah bersesuaian dengan tajuk kajian iaitu Tahap Keresahan Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Asing Dalam Kalangan Pelajar Kolej Universiti Islam Melaka. Data-data yang didapati untuk tujuan kajian ini didapati dari pelbagai sumber. Lazimnya terdapat dua jenis sumber yang digunakan iaitu data primer dan data sekunder. Instrumen kajian diberikan kepada responden melalui link pautan "google form". Responden menjawab soalan secara atas talian. Instrumen kajian yang digunakan ialah Foreign Language Classroom Anxiety Scale yang telah diadaptasi daripada Horwitz (1986). Dalam kajian ini, responden dikehendaki menjawab instrumen kajian ini bagi menentukan tahap motivasi mereka. Instrumen kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu latar belakang responden, keseimbangan komunikasi dan penilaian negatif.

## DAPATAN KAJIAN

### Latar Belakang Responden

Pemilihan responden kajian adalah berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970). Jumlah populasi adalah seramai 140 orang, oleh itu responden yang diperlukan untuk kajian ini seramai 103 orang sahaja. Responden yang terlibat adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual 1 di bawah.

**Jadual 1:** Responden kajian

<b>Fakulti</b>	<b>Bilangan responden</b>	<b>Peratus</b>
FIPT	5	4.9%
FSS	6	5.8%
FPHP	17	16.5%
FKI	65	63.1%
FUG	10	9.7%
<b>Jumlah</b>	<b>103 orang</b>	<b>100%</b>

**Jadual 2:** Jantina Responden

<b>Kumpulan</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Lelaki	49	47.6
Perempuan	54	52.4
Jumlah	103	100%

### Tahap Kebimbangan Komunikasi

Berdasarkan jadual 3 di bawah, didapati hanya terdapat 4 item daripada 12 item yang berada pada tahap tinggi. Item 12 A yang berada pada tahap level tertinggi iaitu ramai pelajar berasa gementar apabila pensyarah bertanya soalan dalam Bahasa Arab untuk perkara yang tidak bersedia. Pelajar juga didapati akan merasa panik sekiranya terpaksa bertutur dalam Bahasa Arab tanpa sebarang persediaan. Di samping itu, pelajar akan merasa gugup apabila mengetahui mereka akan dipanggil dalam dalam kelas Bahasa Arab. Namun begitu, ada juga pelajar yang berasa gementar apabila tidak faham apa yang dipertuturkan oleh pensyarah dalam bahasa Arab.

**Jadual 3:**Tahap Kebimbangan Komunikasi

<b>BIL</b>	<b>ITEM</b>	<b>MIN</b>	<b>TAHAP</b>
12A	Saya menjadi gementar apabila pensyarah bertanya soalan dalam Arab untuk perkara saya tidak bersedia.	3.94	TINGGI
4A	Saya akan rasa panik sekiranya terpaksa bertutur dalam bahasa Arab tanpa sebarang persediaan.	3.82	TINGGI
2A	Saya berasa gugup apabila saya tahu yang saya akan dipanggil oleh pensyarah dalam kelas bahasa Arab.	3.53	TINGGI
3A	Saya berasa gementar apabila saya tidak faham apa yang dipertuturkan oleh pensyarah dalam bahasa Arab.	3.43	TINGGI

### Tahap Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif

Berdasarkan jadual 4 di bawah, tiga item yang berada pada tahap tinggi iaitu item 2A, 7A dan 5A. Pelajar didapati sering merasakan bahawa pelajar lain menguasai Bahasa Arab yang lebih baik dari dirinya. Mereka juga beranggapan bahawa pelajar lain lebih fasih berbahasa Arab berbanding diri mereka. Namun begitu, ada pelajar yang berasa kecewa apabila tidak faham akan pembetulan yang diberi oleh pensyarah.

**Jadual 4:** Perasaan takut terhadap penilaian negatif

<b>BIL</b>	<b>ITEM</b>	<b>MIN</b>	<b>TAHAP</b>
2A	Saya sering merasakan bahawa pelajar lain mempunyai penguasaan bahasa Arab yang lebih	4.17	TINGGI

baik dari saya.

7A	Saya selalu beranggapan bahawa pelajar lain lebih fasih berbahasa Arab berbanding saya.	4.15	TINGGI
5A	Saya berasa kecewa apabila tidak faham pembetulan yang diberi oleh pensyarah bahasa Arab.	3.63	TINGGI

---

## **PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

Berdasarkan hasil dapatan berdasarkan dua faktor utama, pengkaji mendapati faktor tahap kebimbangan positif dan faktor perasaan takut terhadap penilaian negatif perlu diberi perhatian berpandukan beberapa perkara.

### **Tahap Kebimbangan Komunikasi**

Dapatan yang dinyatakan bagi empat item (12A, 4A, 2A, 3A) yang berada pada tahap tinggi adalah berkaitan dengan emosi pelajar semasa mengikuti kelas bersama pensyarah iaitu perasaan gugup, panik dan gementar. Emosi ini perlu dikawal berikutan kesan daripada itu akan mempengaruhi tahap peningkatan kegelisahan 1% kepada pelajar seterusnya akan menyebabkan penurunan pelajar sebanyak 88.8% dalam percakapan (Al-Khotoba et.al, 2019).

Selain itu juga, pensyarah dicadangkan supaya memastikan aktiviti dalam kelas tidak memberi kesan mendalam sehingga mengganggu emosi pelajar secara keterlaluan sehinggakan menjejaskan tahap kebimbangan komunikasi pelajar. Kajian Shazia et. al (2021) mengkaji sebab kegelisahan yang berlaku dalam kalangan pelajar bahasa Inggeris dari 100 buah sekolah mendapati terhadap hubungan yang signifikan antara kegelisahan belajar bahasa belajar, persekitaran kelas.

### **Tahap Perasaan Takut Terhadap Penilaian Negatif**

Dapatan yang dinyatakan pada jadual 4 mendapati terdapat tiga item yang berada pada tahap tinggi iaitu berkaitan dengan perasaan takut terhadap penilaian negatif atau persepsi pelajar ke atas diri sendiri pengaruh daripada perasaan takut. Persepsi merasakan rakan lain lebih baik dan lebih fasih merupakan faktor yang menjurus kepada perasaan takut terhadap penilaian negatif (Horwitz et.al,1986). Menurut Gardner dan MacIntyre (1983) kebimbangan penilaian negatif berkait rapat dengan ketakutan komunikasi. Apabila pelajar tidak pasti dengan apa yang mereka perkatakan, mereka akan merasa dinilai negatif oleh orang sekeliling sekaligus mereka akan meragui akan kebolehan masing-masing.

Kesimpulannya, memandangkan faktor komunikasi sangat perlu diberi perhatian oleh pelbagai golongan masyarakat, tenaga pengajar perlu memastikan para pelajar dilengkapi dengan ilmu kebolehan bertutur dalam bahasa asing



dengan lebih baik. Hal ini kerana pelajar-pelajar ini akan menempoh alam pekerjaan dan akan berkhidmat dengan majikan satu hari nanti. Majikan hari ini bukan sahaja melihat pencapaian akademik, malahan mereka juga memilih calon yang boleh berkomunikasi dengan baik. Bagi pelajar yang mempunyai tahap kerisauan komunikasi yang tinggi dan pencapaian akademik yang rendah sudah pasti mereka tidak dapat memenuhi kehendak majikan. Selain itu, tahap kebimbangan yang melampau juga akan memberi kesan yang kurang baik kepada keputusan pelajar. Sehubungan dengan itu, semua pihak perlu melihat isu kebimbangan ini dengan lebih terperinci bagi mengelakkan pretasi pelajar terganggu.

## RUJUKAN

- Al-Khotaba, H.H.A., Alkhataba, E. H. A., Abdul-Hamid, S., & Bashir, I. (2019). Foreign Language Speaking Anxiety: A Psycholinguistic Barrier Affecting Speaking Achievement of Saudi EFL Learners. *Arab World English Journal*, 10 (4)313- 329. DOI: <https://dx.doi.org/10.24093/awej/vol10no4.23>
- Eysenck, Micheal W., 1992. *Anxiety: The Cognitive Perspective*. East Sussex:Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Gawi, E. M. K. (2020). The Impact of Foreign Language Classroom Anxiety on Saudi Male Students' Performance at Albaha University. *Arab World English Journal*, 11 (2) . 258-274. DOI: <https://dx.doi.org/10.24093/awej/vol11no2.18>
- Horwitz, Elaine K., Horwitz, Micheal B., and Cope, Joann. 1986. Foreign Language Classroom Anxiety. *The Modern Language Journal*. 70(2):125-132.
- Jamil, N. S. (2017). KEBIMBANGAN PELAJAR ANTARABANGSA DALAM MEMPELAJARI BAHASA MELAYU. *DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA BRUNEI*, 35, 30–40.
- McCroskey, J. C. (1970). Measures of Communication-bound Anxiety, *Speech Monographs*, XXXVII (4), 269-277.
- Md. Nazim Mahmud, Merine Sultana dan Bishnu. 2016. Students' Anxiety in Learning English as a Second Language: Language Skills Perspective. *Bangladesh Journal of Educational Research* 2016, Vol. 1, Issue 2, pp. 116-125 ISSN: 2313-2515
- Nur Pratiwi, Suhaila Zailani Hj. Ahmad dan Salamiah Ab. Ghani. 2014. Kajian terhadap Faktor Keresahan Pelajar dalam Kelas Maharat al-Muhadathah wal khatabah. *Prosiding seminar pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab*.
- Shazia Inayat Ali, Saba Shakeel, Farheen Shakir. (2021). Effects Of Anxiety In Learning Second Language: A Study On The Public Secondary School Students. *Pakistan Journal of Educational Research*, 4(1). <https://doi.org/10.52337/pjer.v4i1.58>
- Spielberger, C.D. (1983). "Manual for the State-trait Anxiety Inventory (STAI-Form Y)". Palo Alto, CA: Consulting Psychologists Press.

Tahap Keresahan Terhadap Mata Pelajaran Bahasa Asing  
Dalam Kalangan Pelajar Kolej Universiti Islam Melaka  
Noor Adawiyah Ahmad Radzi, Roslida Saat & Norainee Idris

Young, D. J. (1991). Creating a low-anxiety classroom environment: What does language

Foreign Language Learning Anxiety in Japanese EFL University Classes. *The Modern*

*Language Journal*, 75(4), 426-439..

Wan Zarina Wan Zakaria, Azizah Rajab, Norfazila Sayuti dan Nur Al-Huda Hashim. 2007.

Kajian Tahap Keresahan di Kalangan Pelajar Bahasa Asing terhadap Mata Pelajaran Bahasa Asing. Universiti Teknologi Malaysia: Pusat Pengurusan Penyelidikan